# PRIVATE TOUR – 4 HARI 3 MALAM EXPLORE LABUAN BAJO & KOMODO ISLAND (HALAL MEALS)

## Padar Island • Komodo Island • Pink Beach

***Tour Code: PTR01***

**DOWNLOAD PDF ITINERARY**

Nikmati pengalaman 4 Hari 3 Malam Explore Labuan Bajo & Komodo Island yang membawa anda meneroka keindahan kepulauan Flores melalui pelayaran Day Trip Komodo by Speedboat. Perjalanan ini merangkumi pendakian ke Padar Island, melihat Komodo Dragon di habitat semula jadinya, menikmati keunikan Pink Beach, bersantai di Taka Makassar, snorkeling di Manta Point, serta meneroka budaya tempatan melalui lawatan ke Melo Village, Mirror Stone Cave dan Goa Rangko. Gabungan keindahan pulau tropika, hidupan marin dan budaya Flores menjadikan pakej ini antara pengalaman paling lengkap di Labuan Bajo.



### MAKLUMAT HARGA:

| PAKEJ | HARGA SEORANG (MYR) | | | |
|---|---|---|---|---|
| | BERDUA/ BERTIGA | KANAK-KANAK DENGAN KATIL | KANAK-KANAK TANPA KATIL | GROUP SIZE (PAX) |
| Ground Only:<br>Flamingo Waecicu / Zasgo Hotel *3,<br>Laprima Hotel /Luwansa Resort *4<br>OR similar | 2,620 | 2,360 | 1,580 | 2-3 |
| | 2,260 | 2,050 | 1,360 | 4-5 |
| | 2,230 | 2,010 | 1,350 | 6-7 |
| | 2,160 | 1,950 | 1,300 | 8-9 |
| **DISKAUN SENIOR CITIZEN (58 TAHUN & KEATAS) / DISKAUN LOYALTY - RM50/PAX** | | **DISKAUN GROUP OF 3/4 - RM50/PAX** | | |

# ATURCARA PERJALANAN

## HARI 1: TIBA DI LABUAN BAJO (MM)

Berkumpul di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk penerbangan ke Labuan Bajo, bandar pelabuhan yang menjadi pintu masuk utama ke Taman Negara Komodo, Tapak Warisan Dunia UNESCO yang terkenal dengan keindahan pulau-pulau tropika dan habitat Komodo Dragon.

Setibanya di Lapangan Terbang Komodo, peserta akan disambut oleh wakil tempatan sebelum memulakan lawatan ke Amelia Hill, antara lokasi terbaik untuk menikmati panorama matahari terbenam di Labuan Bajo. Pendakian yang singkat akan dihadiahkan dengan pemandangan laut biru, pulau-pulau kecil dan suasana senja yang memukau.

Selepas makan malam di restoran tempatan, peserta dibawa ke hotel untuk daftar masuk dan berehat. Bermalam di Labuan Bajo.

## HARI 2: DAY TRIP KOMODO BY SPEEDBOAT (SP/MT)

Seawal pagi, peserta bertolak ke pelabuhan untuk menaiki speedboat bagi memulakan pengembaraan menjelajah kepulauan Taman Negara Komodo.

Destinasi pertama ialah Padar Island, pulau ikonik yang terkenal dengan panorama tiga teluk yang mempesonakan. Peserta akan mendaki ke puncak untuk menikmati pemandangan yang sering menjadi simbol Labuan Bajo.

Perjalanan diteruskan ke Pink Beach, pantai unik yang mempunyai pasir berwarna merah jambu hasil campuran pasir putih dan serpihan batu karang merah. Peserta berpeluang menikmati aktiviti berenang atau snorkeling di perairan yang jernih.

Seterusnya, lawatan ke Komodo Island memberikan peluang melihat Komodo Dragon, spesies biawak terbesar di dunia yang hanya terdapat di Indonesia. Aktiviti trekking akan dikendalikan oleh renjer tempatan bagi memastikan keselamatan peserta.

Selepas makan tengah hari, peserta singgah di Taka Makassar, beting pasir putih yang dikelilingi air laut biru kehijauan sebelum meneruskan aktiviti snorkeling di Manta Point, lokasi terkenal untuk melihat ikan pari manta di habitat semula jadinya.

Menjelang petang, peserta kembali ke Labuan Bajo. Makan malam adalah atas perbelanjaan sendiri sebelum kembali ke hotel.

## HARI 3: LABUAN BAJO CITY TOUR (SP/MT/MM)

Selepas sarapan pagi, peserta memulakan penerokaan sekitar Labuan Bajo dan kawasan tanah tinggi di Flores.

Lawatan dimulakan ke Melo Village, sebuah perkampungan tanah tinggi yang menawarkan panorama bukit-bukau menghijau serta pemandangan Laut Flores dari ketinggian sekitar 624 meter.

Perjalanan diteruskan ke Weaving House, pusat tenunan tradisional yang mempamerkan proses menghasilkan kain tenun khas Nusa Tenggara Timur. Peserta juga berpeluang menikmati kopi Flores sambil melihat suasana sawah padi di sekitarnya.

Seterusnya, peserta mengunjungi Mirror Stone Cave, sebuah gua batu kapur yang terkenal dengan fenomena pantulan cahaya matahari pada dinding gua sehingga menghasilkan kesan seakan-akan cermin.

Pengembaraan diteruskan ke Goa Rangko, sebuah gua dengan kolam air masin semula jadi yang berwarna biru jernih. Peserta akan menaiki bot selama kira-kira 30 minit sebelum berpeluang berenang dan bergambar di lokasi yang cukup unik ini.

Sebelum kembali ke hotel, masa diberikan untuk membeli-belah cenderamata tempatan di sekitar Labuan Bajo.

## HARI 4 : LABUAN BAJO – KUALA LUMPUR (SP)

Selepas sarapan pagi dan daftar keluar hotel, peserta bertolak ke Lapangan Terbang Komodo bagi penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

## PAKEJ TERMASUK:

Penginapan 3 malam di hotel bertaraf 3★ / 4★ berserta sarapan pagi harian

Makanan seperti yang dinyatakan dalam itinerari (Makanan Halal)

Pengangkutan sepanjang lawatan beserta pemandu

Airport transfer (Lapangan Terbang ↔ Hotel ↔ Jeti ↔ Lapangan Terbang)

Day Trip Komodo by Speedboat termasuk:

- Pengangkutan ulang-alik, speedboat, makan tengah hari (Lunch box), air mineral, minuman ringan, peralatan snorkeling & tiket masuk ke Taman Negara Komodo

Labuan Bajo City Tour termasuk:

- Pengangkutan, tiket masuk ke semua tempat lawatan & air mineral

## PAKEJ TAK TERMASUK :

Tiket penerbangan antarabangsa serta cukai lapangan terbang

Tips untuk pemandu dan tour guide RM10/seorang/hari

Insurans perjalanan RM64/seorang (Etiqa Takaful / Platinum Plan / umur 70 tahun dan ke atas tertakluk kepada surcaj)

Aktiviti pilihan (Optional Tour) yang tidak dinyatakan dalam itinerari

Selain dari yang dinyatakan dalam itineri

## NOTA & SURCAJ :

Kadar adalah TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN DISEBABKAN MATA WANG TURUN

Kadar bayaran masuk ke Taman Negara Komodo adalah tertakluk kepada perubahan oleh pihak berkuasa tempatan.

Pakej Liveaboard hanya beroperasi pada hujung minggu (Jumaat–Ahad).

Surcaj dikenakan untuk Krismas, Tahun Baru, Hari Raya & Cuti Sekolah.

Tempoh sah pakej: Sehingga 31 Disember 2026

**Jadual perjalanan ini disediakan sebagai panduan dan tertakluk kepada perubahan mengikut keadaan semasa.**

**Tertakluk kepada terma & syarat.**

## Sebarang pertanyaan tentang pakej hubungi :


Admin : 010-321 6357

Zawati : 019-2277 253

Saidatul: 011-2866 2548